



## ANALISIS HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-INDIA DARI ERA TUNKU ABDUL RAHMAN SEHINGGA ERA NAJIB TUN RAZAK

(*Analysis of Malaysia-India Diplomatic Relations from the Era of Tunku Abdul Rahman to the Era of Najib Tun Razak*)

Norhafiza Mohd Hed

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Malaysia

\*Corresponding Author Email:[norhafiza@fsk.upsi.edu.my](mailto:norhafiza@fsk.upsi.edu.my)

Received: 13 December 2022 • Accepted: 13 April 2023 • Published: 31 October 2023

### Abstract

This study aims to analyze the development of Malaysia-India diplomatic relations from the era of Tunku Abdul Rahman to the era of Najib Tun Razak by focusing its analysis on political, economic, and social issues that occur throughout the current bilateral relations, as well as assess the implications of these issues on the development of Malaysia. By using a qualitative method design that is a historical study through primary document analysis instruments such as newspapers, leader speech texts, and secondary sources, the study finds that the evolution of Malaysia-India bilateral relations is seen in three different phases, namely: the first phase (1957 - 1970) was known as the conflict phase, the second phase (1970 - 2000) can be classified as the recovery phase and the third phase was seen as the development phase (2000– 2010). Malaysia-India relations are not only based on trade and economy, but more on a friendly relationship based on mutual benefits. Although there were political, economic and social that posed a security threat to Malaysia, these issues did not affect the good relationship between the two countries without any armed conflict or prolonged crisis. Therefore, this study concludes that the Malaysia-India bilateral relationship will remain strong and grow in the future with active involvement in various aspects of economic, political, defense and cultural and societal exchange.

**Keywords:** Relations; Diplomatic; Malaysia; India; Bilateral; Era

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan hubungan diplomatik Malaysia-India dari Era Tunku Abdul Rahman sehingga ke era Najib Tun Razak dengan memfokuskan analisisnya kepada isu-isu politik,

ekonomi dan sosial yang berlaku sepanjang berlangsungnya hubungan dua hala pada waktu ini serta menilai implikasi isu-isu ini terhadap pembangunan Malaysia. Dengan menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif iaitu kajian sejarah menerusi instrumen analisis dokumen primer seperti akhbar, teks ucapan pemimpin serta sumber sekunder, hasil kajian mendapatkan bahawa evolusi perkembangan hubungan bilateral Malaysia-India dalam dilihat dalam tiga fasa berbeza, iaitu; fasa pertama (1957 – 1970) dikenali sebagai fasa konflik, fasa kedua pula (1970 – 2000) boleh dikelaskan sebagai fasa pemulihan dan fasa ketiga dilihat sebagai fasa perkembangan (2000– 2010). Hubungan Malaysia-India bukan hanya berlandaskan perdagangan dan ekonomi, tetapi lebih kepada hubungan pesahabatan atas dasar saling melengkapi demi kepentingan bersama. Walaupun terdapat juga isu-isu politik, ekonomi dan sosial yang memberi ancaman keselamatan kepada Malaysia, namun isu-isu ini tidak menjadikan hubungan baik antara dua negara ini tanpa wujud sebarang konflik bersenjata atau krisis yang berlanjut. Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa hubungan dua hala Malaysia-India ini akan kekal kukuh dan berkembang pada masa depan dengan penglibatan aktif dalam pelbagai aspek ekonomi, politik, pertahanan dan pertukaran budaya dan masyarakat.

**Kata kunci:** Hubungan; Diplomatik; Malaysia; India; Bilateral; Era

**Cite as:** Mohd Hed, N. (2023). Analysis of Malaysia-India Diplomatic Relations from the Era of Tunku Abdul Rahman to the Era of Najib Tun Razak. *Asian People Journal*, 6(2), 60-72.

## PENDAHULUAN

Hubungan bilateral diantara Malaysia dan India telah terjalin sejak berkurun lamanya, pada zaman era Kristian lagi. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada hubungan diantara India dan Malaya pada ketika itu. Pertama, kedudukan geografi Tanah Melayu yang terletak diantara lautan Hindi dan Pasifik menjadikan Malaya antara negara yang paling dekat dengan negara-negara jiran yang utama seperti India dan China. Selain itu, faktor kemudahan perlabuhan yang efektif telah membuatkan Tanah Melayu sebagai tumpuan pedagang-pedagang asing. Pembukaan Teluk Bengal sebagai jalan utama perdagangan telah menghubungkan kepulauan Melayu dan India. Secara tidak langsung, hubungan perdagangan yang telah terjalin antara Malaya dan India pada ketika itu, mewujudkan pertukaran budaya, agama dan nilai terhadap masyarakat tempatan. Pada awalnya, pengaruh budaya India berkembang di semenanjung Siam-Melayu dan akhirnya budaya ini telah diadaptasi oleh Kesultanan Melayu Melaka (Sandhu, 1969).

Pada abad ke-20, sebelum Malaya memperolehi kemerdekaan, kuasa imperialis terutamanya British memerlukan lebih banyak tenaga buruh dalam menghadapi revolusi industri di Barat. Maka, pihak British telah menyerapkan lebih banyak golongan buruh diaspora India ke Malaya untuk ditempatkan dalam sektor perladangan. Diaspora India merupakan penduduk asal India yang berhijrah dan menetap di negara-negara lain tetapi masih lagi mengekalkan dan berpegang kuat kepada identiti dan budaya negara asal mereka. Kedatangan ramai pendatang daripada India telah menyumbang kepada peningkatan populasi penduduk India di Malaya. Ini menjadikan penduduk India sebagai kumpulan etnik ketiga terbesar di Malaya. Fenomena ini sekali gus mencetuskan kepelbagaian dan kemajmukan dalam masyarakat Malaya. Akhirnya, Malaya dan India telah memeterai hubungan diplomatik yang lebih formal pada tahun 1957. Sejak itu, lebih banyak perjanjian dan kerjasama dalam aspek politik serta ekonomi telah ditandatangani bagi manfaat kedua-dua belah pihak. Jalinan ekonomi dan politik yang utuh

diantara kedua-dua belah pihak berlangsung dengan jayanya kerana India dan Malaysia menggunakan mekanisme diplomasi dalam menangani sebarang krisis atau masalah yang timbul. Perhubungan dua hala ini juga turut disemarakkan dengan siri lawatan perdana menteri Malaysia ke India bagi membincangkan isu-isu berbangkit khususnya isu pembangunan ekonomi dan stabiliti kedua-dua belah negara. Konflik dan masalah yang dihadapi dalam domestik politik tidak mempengaruhi atau mencacatkan hubungan diantara Malaysia dan India kerana masing-masing mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam politik nasional kecuali jika ia melibatkan kepentingan kedua-dua belah pihak. Dalam erti kata lain, Malaysia sedia menjalankan hubungan persahabatan dengan semua negara yang muh menghulurkan ikatan hubungan berlandaskan dasar tidak mencampuri urusan domestik negara-negara terbabit.

### **Latar Belakang Kajian**

Meskipun hubungan kedua-dua negara ini telah lama wujud dan dasar kerjasama ini adalah usaha Malaysia untuk memperkuatkan kerjasama serantau dan antarabangsa bagi membangunkan potensi ekonomi dan politik negara. Namun, kajian mengenai hubungan bilateral Malaysia-India yang sedia ada seperti kajian Amit Singh (2011), Moorthy dan Subramanian (2017) dan Pakeer Mohamed (2015) adalah amat terhad dan tidak berkembang seperti kajian hubungan luar Malaysia dengan negara lain. Kajian yang ada juga banyak menumpukan kepada komuniti India di Malaysia dan hubungan ekonomi kedua-dua negara ini tanpa menganalisis dengan mendalam sejarah perkembangan hubungan luar Malaysia-India secara ringkas khususnya sewaktu era pentadbiran perdana menteri pertama, Tunku Abdul Rahman sehingga kepimpinan Najib Tun Razak. Oleh itu, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada hubungan luar Malaysia dan India dari Era Tunku Abdul Rahman sehingga ke era Najib Tun Razak. Ini kerana sepanjang rentang waktu ini mempunyai beberapa isu penting yang berlaku dalam hubungan kedua-dua negara ini.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini akan menyelidiki beberapa objektif utama:

- i. Mengenal pasti isu-isu penting dalam politik, ekonomi dan sosial yang tercetus sepanjang berlangsungnya hubungan dua hala ini.
- ii. Menilai implikasi isu-isu ini terhadap pembangunan Malaysia dengan melihat peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

## **KAJIAN LITERATUR**

Dalam konteks politik, kestabilan dan keselamatan negara merupakan intipati penting dalam menjamin kejayaan hubungan luar. Oleh itu, kedua-dua belah pihak cuba untuk meminimumkan konflik dan ancaman yang berlaku sama ada ancaman dari luar atau lokal. Justeru, Malaysia dan India menyedari betapa pentingnya penglibatan mereka dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa bukan hanya demi kebaikan ekonomi dan kestabilan nasional tetapi juga untuk kebaikan masyarakat global. India dan Malaysia bekerjasama dalam pelbagai pertubuhan multilateral dan kerjasama serantau seperti United Nations, Negara-negara Berkewajib (NAM), World Trade Organization (WTO), ASEAN, Komanwel dan sebagainya.

Dalam konteks keselamatan dan pertahanan, hubungan pertahanan Malaysia dan India telah terjalin sejak zaman kolonial lagi apabila askar-askar ‘Madras Native Infantry’ telah dikerahkan untuk bertugas di Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. ‘British Indian Army’ juga turut ditempatkan di Malaya dan Singapura sewaktu pendudukan

Jepun. Setelah merdeka, banyak kerjasama pertahanan dibuat antaranya MoU mengenai kerjasama pertahanan pada tahun 1993 di mana Malaysia-India Defense Cooperation Meeting (MIDCOM) telah dijadikan rangka bagi membincangkan isu-isu pertahanan dan keselamatan kedua-dua negara. Sejak tahun 1993, telah banyak mesyuarat MIDCOM diadakan dan kunjungan kedua-dua belah pihak berlangsung dengan jayanya. Diplomasi pertahanan Malaysia dan India ini memfokuskan kepada pembangunan hubungan pertahanan melalui latihan ketenteraan bersama, latihan pertahanan kakitangan dan perdagangan dalam peralatan ketenteraan (Yogendra, 2007). Misalnya, India dan Malaysia juga turut menyertai latihan tentera-tentera laut bersama-sama dengan Bangladesh, Sri Lanka, Indonesia, Singapura dan Thailand. Malah, kapal laut India juga pernah terlibat dalam Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA).

Selain itu, dalam konteks kerjasama serantau dan antarabangsa, India dan Malaysia memainkan peranan yang besar dalam United Nations khususnya dalam isu kemanusiaan, hak asasi manusia, ekonomi dan sosial. kedua-dua negara banyak terlibat dan saling menyokong aktiviti UN. Misalnya, ‘the Afro-Asian Group’ adalah gabungan negara-negara Asia dan Afrika di mana negara-negara ini mempunyai undi dalam UN. Pada awalnya, India melihat ASEAN sebagai satu pakatan tentera ekoran daripada isu Kampuchea. Namun, lawatan Tun Hussein Onn ke India telah berjaya meyakinkan India bahawa ASEAN tidak akan menjadi pakatan tentera. Tun Hussein (1979) menegaskan bahawa negara-negara ASEAN tidak akan mengubah konsep kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosialnya kepada satu pakatan tentera. Hubungan baik India dengan negara-negara ASEAN khususnya Malaysia dapat dilihat melalui ikatan pelaburan dan perdagangan yang semakin berkembang melalui ASEAN-FTA. Usaha membentuk integrasi serantau dan jalinan hubungan yang baik dengan India bukan sahaja memberi kebaikan ekonomi kepada penduduk tempatan, tetapi juga mewujudkan keamanan dan stabiliti. Selain itu, pembentukan ASEAN-INDIA Summit, ASEAN-India Dialogue dan forum serantau ASEAN membuka ruang potensi yang lebih luas bagi ASEAN dan India untuk menjalinkan hubungan yang baik. Kerjasama Malaysia dan India dalam NAM, WTO, G77 juga dapat mempertahankan kepentingan negara-negara yang sedang membangun (Syed Hamid Albar, 2007).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mencapai objektif di atas, kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif, menerusi instrumen analisis kandungan dari sumber primer dan sekunder yang diperolehi daripada kajian lepas, laman sesawang, jurnal dan laporan rasmi kerajaan. Data kualitatif yang dikumpul ini akan dianalisis secara tematik.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Walaupun hubungan luar Malaysia dan India bermula sebelum zaman kesultanan Melayu Melaka lagi, namun, fokus perbincangan terbatas pada hubungan yang berlaku sekitar tahun 1960an sehingga kini kerana hubungan diplomasi yang terbentuk sekitar tahun ini lebih formal. Oleh itu, penulis cuba memahami evolusi perkembangan hubungan bilateral Malaysia-India dalam tiga fasa; fasa pertama (1957 – 1970) dikenali sebagai fasa konflik, fasa kedua pula (1970 – 2000) boleh dikelaskan sebagai fasa pemulihan dan fasa ketiga atau fasa perkembangan (2000–2010). Pembahagian fasa-fasa ini adalah berdasarkan situasi politik yang dihadapi oleh kedua-dua belah negara serta melihat faktor kerjasama yang dijalankan negara-negara ini.

### **Fasa Pertama: Fasa Konflik (1957 – 1970)**

Fasa pertama dalam perkembangan hubungan Malaysia dan India berlaku sekitar tahun 1957 iaitu sewaktu bermulanya hubungan diplomasi yang lebih formal, sehingga tahun 1970. Fasa ini boleh dipanggil sebagai fasa konflik kerana pada ketika itu, kedua-dua negara menghadapi tantangan yang hebat dan konflik dengan negara-negara lain terutamanya dari Indonesia dan China. Pada awalnya, ketegangan hubungan India dan Indonesia dilihat bermula di Persidangan Negara-negara Berkecuali di Belgrade apabila pemimpin kedua-dua belah negara mempunyai pendekatan yang berbeza dalam isu kolonialisme dan keamanan dunia (Willets, 1978). Hubungan kedua-dua negara ini mencapai kemuncak konflik apabila timbul isu Irian Barat, ‘Sondhi Affairs’—kenyataan yang dikeluarkan oleh G.D Sondhi (*vice president of the Asian Games Federation*) mengenai Indonesia telah mencetuskan demonstrasi anti-India dihadapan pejabat Kedutaan India di Jakarta pada 3 september 1962, serta sikap pro-China yang ditunjukkan oleh Indonesia sewaktu China menyerang sempadan utara India pada tahun 1962. Tanah Melayu yang pada ketika itu mengamalkan dasar anti-komunis, di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, telah melahirkan sokongan kepada India dalam perperangan Sino-India tersebut di mana Tunku sendiri telah melancarkan ‘Tabung Selamatkan Demokrasi’ sebagai bantuan kepada India bagi menghadapi tantangan agresif dari China (Saravananuttu, 1983). Pada masa yang sama, Indonesia juga melancarkan konfrontasi dengan Tanah Melayu kerana mahu mewujudkan ‘Malaysia’ iaitu gabungan Malaya, Singapura, Sabah dan Sarawak. Pembentukan Malaysia ditentang hebat oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) di mana mereka mendakwa rancangan pembentukan Malaysia ini adalah alat untuk mengekalkan kuasa British. Ia sekali gus menghancurkan harapan Presiden Sukarno yang mahu mewujudkan Indonesia-raya. Namun, segala kekangan dari Indonesia berjaya diatasi apabila gagasan Malaysia telah dibentuk pada tahun 1963. India memberikan reaksi positif terhadap pembentukan Malaysia melalui ucapan tahniah Presiden India kepada Yang Dipertuan Agong Malaysia (Arora, 1981).

Oleh itu, elemen persamaan dapat dilihat dalam dasar luar Malaysia dan India di mana kedua-dua buah negara ini merupakan pendokong demokrasi barat dan anti-komunis. Jawaharlal Nehru, presiden India pada ketika itu, mempunyai pandangan yang sama dengan Tunku Abdul Rahman. Nehru mengutuk keras serangan komunis terhadap Malaya dan beliau cenderung untuk mewujudkan institusi demokratik di India (Nanda, 1976). Walaupun, India dan Malaysia menghadapi ancaman daripada negara-negara lain, namun, hubungan diplomasi kedua-dua negara ini masih berlangsung dalam keadaan stabil.

### **Fasa Kedua: Fasa Pemulihan (1970 – 2000)**

Fasa kedua atau fasa pemulihan dalam hubungan bilateral Malaysia dan India adalah sekitar tahun 1970 hingga tahun 2000 di mana dapat dilihat banyak perjanjian usahasama ditandatangani antara kedua-dua belah pihak baik dari sektor ekonomi, kerjasama politik mahu pun sosial. India adalah antara pengimpor terbesar produk dari Malaysia khususnya kelapa sawit dan getah. Perjanjian ekonomi antara kedua-dua negara ini membuka lebih banyak peluang dan ruang pelaburan, sekaligus, memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. Antaranya, perjanjian ekonomi, khususnya industri kelapa sawit dan kerjasama teknikal yang telah termeterai pada tahun 1980, merupakan lambang kejayaan kedua buah negara.

Selain itu, tradisi dan warisan budaya India masih lagi dipraktikkan oleh kebanyakan penduduk-penduduk India di Malaysia di mana ia mencerminkan identiti kaum etnik ini. Menyedari akan hal ini, pihak Malaysia telah memeterai perjanjian kebudayaan dengan kerajaan India sebagai satu usaha bagi memelihara dan berkongsi adat warisan tamadun India ini. Peranan institusi-institusi antarabangsa juga dilihat sebagai salah satu mekanisme yang efektif bagi mengukuhkan lagi hubungan bilateral Malaysia dan India. Contohnya, United Nations dan Afro-Asia telah menyatupadukan Malaysia dan India bagi membentuk kerjasama dalam usaha membanteras kolonialisme dan

apartheid. Oleh itu, era pemulihan ini menyaksikan banyak ruang Kerjasama dibuka antara Malaysia dan India kerana fokus dan matlamat negara-negara ini adalah untuk memperkuatkan kedudukan ekonomi, kestabilan negara dan politik setelah mengalami ancaman dari pihak luar.

### **Fasa Ketiga: Fasa Perkembangan (2000– 2010)**

Fasa terakhir dilihat sebagai fasa perkembangan kepada fasa kedua kerana pada sekitar tahun 2000-2010, banyak kemajuan yang telah dicapai oleh kedua negara khususnya dari sudut peningkatan ekonomi. Sejak jalinan hubungan diantara Malaysia dan India bertambah kukuh, banyak pelaburan dan perdagangan Malaysia di India dapat diperkembangkan. Sumbangan penduduk India dalam pembangunan Malaysia juga tidak dapat dipertikaikan. Ia merupakan antara faktor penggerak dalam kerjasama ini sama ada kerjasama serantau atau global. Kolaborasi Malaysia dan India dalam ASEAN memberi impak positif di mana India banyak melibatkan diri dalam aktiviti dan program kerjasama antara negara-negara Asia yang lain. Menurut Syed Hamid Albar (2007, p. 2), “*We hold many common positions at the multilateral for a and appreciate the leadership role that India has taken on issues affecting the developing South-south countries*”.

Selain itu, hubungan dua hala ini dieratkan lagi dengan beberapa siri lawatan perdana menteri dan jemaah menteri Malaysia ke India bagi membincangkan prospek kerjasama yang lebih strategik. Misalnya, lawatan Dato’ Seri Najib Tun Razak ke India dan Chennai pada Januari, 2010. Walaupun timbul pelbagai isu diskriminasi dan sentimen berbaur perkauman yang dicetuskan oleh kaum India, namun, ini tidak mematahkan semangat kerajaan untuk terus menjalankan hubungan dengan India. Malaysia dilihat cuba mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menangani isu ini supaya hubungan kedua-dua negara tidak terjejas. Justeru, tahun 2010 ini menyaksikan satu lagi pelan ekonomi yang lebih komprehensif dimeterai oleh Malaysia dan India bagi mewujudkan kerangka strategi usahasama bagi memperkuatkan ekonomi negara masing-masing. Ini dapat menepis tanggapan buruk India mengenai isu diskriminasi kaum di Malaysia.

### **Isu Dalam Hubungan Diplomatik Malaysia-India Sepanjang Era Tunku Abdul Rahman Sehingga Era Najib Tun Razak**

Berasaskan perkembangan hubungan bilateral Malaysia dan India, timbul pelbagai isu sepanjang hubungan ini berlangsung. Dalam membahaskan isu-isu ini, banyak perkara yang perlu disentuh, terutamanya isu politik, ekonomi dan sosial.

#### *Pergolakan Kashmir*

Benua India merupakan sebuah entiti yang unik kerana kepelbagaian dalam agama, budaya dan puak etnik. Kepelbagaian dalam masyarakat ini seringkali mewujudkan konflik sesama mereka sehingga konflik bersenjata dan pertumpahan darah berlaku. Konflik Kashmir, bukan hanya dilihat sebagai pertentangan dua buah negara iaitu India dan Pakistan, tetapi juga merupakan pertentangan agama diantara penganut Hindu dan Islam. Pertikaian mengenai Kashmir ini telah berlangsung sejak tahun 1947, apabila pihak British memberikan kemerdekaan kepada India dan Pakistan. Walaupun pemisahan Pakistan dan India dilihat mampu untuk menyelesaikan masalah perbezaan agama yang dihadapi kedua-dua negara, namun, isu Kashmir menunjukkan bahawa agama Islam dan Hindu masih lagi sukar untuk berkompromi di benua ini. Isu persempadanan yang tidak jelas sewaktu kemerdekaan kedua buah negara ini telah menyebabkan mereka cuba untuk mengemukakan tuntutan ke atas wilayah Kashmir.

Sehingga kini, perebutan Pakistan dan India ke atas Kashmir masih lagi berlanjutan walaupun pelbagai jalan damai telah dilakukan. Fenomena ini mengundang banyak reaksi positif dan negatif daripada banyak pihak

termasuklah Malaysia. Sewaktu era pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Malaysia menawarkan sokongan kepada India dalam peperangan Indo-Pakistan dan isu Kashmir sehingga hubungan diplomasi dengan Pakistan sedikit renggang pada tahun 1965. Persoalannya, mengapa Malaysia bertindak sedemikian sedangkan majoriti masyarakat Malaysia adalah Muslim? Pertamanya, sikap pro-Barat yang ditonjolkan oleh Tunku dalam setiap pertimbangan hubungan luarnya mengatasi faktor-faktor lain termasuklah Islam. Selain itu, Malaysia memberi reaksi positif kepada India berbanding Pakistan kerana India merupakan bekas koloni penjajahan British dan negara anggota Komanwel sama seperti Malaysia. Oleh itu, Malaysia wajar memberikan sokongan kepada sekutunya itu.

Namun, titik perubahan dilihat sewaktu Tun Mahathir memegang tumpuk pemerintahan pada era 80-an di mana beliau menekankan konsep ‘Islamic Unity’ dan mengadakan hubungan kerjasama yang erat dengan negara-negara Islam termasuklah Pakistan (Nair, 1997). Hal ini kerana Tun Mahathir mengambil iktibar terhadap kejadian konfrantasi Malaysia-Indonesia di mana pada ketika itu Malaysia berjaya mendapat bantuan daripada British dan negara-negara Komanwel, tetapi Indonesia mendapat sokongan kuat daripada negara-negara Islam. Selain itu, faktor ‘idiosyncratic’ Tun Mahathir yang lebih memandang kepada Timur dan membawa gelombang ‘Islamisation’ kepada Malaysia telah membawa banyak sokongan negara-negara Islam terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia telah menerima pendirian India yang mahu konflik Kashmir ini diselesaikan dengan cara rundingan bilateral. Bagi Malaysia, isu Kashmir adalah isu mengenai integriti nasional yang mampu mengganggu gugat keharmonian rakyatnya. Isu Kashmir ini juga banyak diperdebatkan di dalam parlimen khususnya mengenai peranan Organization Islamic conference (OIC) dalam menangani isu ini. Menurut Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Abdullah Fadzil (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, 1991, 16 Disember), OIC amat memandang berat masalah dalam kalangan minoriti Islam seperti di Yugoslavia, Sri Lanka dan Kashmir terutama sekali yang berkaitan dengan penyiksaan ke atas minoriti Islam dan hak asasi manusia. Oleh itu, kerajaan Malaysia memilih tidak memihak kepada mana-mana pihak tertentu yang bertelagah tetapi sebaliknya menyokong segala ketetapan-ketetapan yang telah pun diambil oleh PBB dan juga OIC supaya masalah tersebut diselesaikan secara damai. Namun, kerajaan Malaysia sentiasa memberi kerjasama kepada PBB dan OIC serta di forum-forum antarabangsa yang lain untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian damai ke atas segala masalah yang berkaitan dengan minoriti Islam.

### *Isu Penduduk India di Malaysia dan Hindraf*

Atas kesedaran untuk memelihara kepentingan kaum India, jalinan hubungan bilateral ini sangat menekankan peranan yang dimainkan oleh kelompok etnik India dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun, isu penganiayaan yang telah dicetuskan oleh kumpulan ekstremis kaum India atau Hindraf ini sedikit sebanyak mencalar imej Malaysia di mata negara India. Insiden ini berlaku apabila kumpulan ekstremis kaum India yang menggelarkan diri mereka sebagai Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (HINDRAF) iaitu gabungan badan-badan bukan Kerajaan yang bermatlamat untuk memelihara hak kaum India telah mengemukakan memorandum kepada kerajaan British. Mereka mendakwa kaum India di Malaysia telah menjadi mangsa pencabulan hak asasi baik dari segi ekonomi, politik mahupun sosial dan mereka mahu satu resolusi dibawa ke PBB. Mereka mendakwa terdapat pembunuhan beramai-ramai kaum India atau *genocide* dengan memberi contoh insiden yang berlaku di Kg. Medan serta banyak kuil-kuil yang telah dibakar selepas kemerdekaan. Kumpulan ini bertindak agresif dengan mengadakan demonstrasi jalanan pada 25 November 2007 tetapi berjaya dikawal oleh Polis. Namun, kerajaan terpaksa menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi menahan ketua dan ahli-ahli kumpulan ini (“Hapuskan Ekstremis Kaum”, 2009, 24 Mei). Sentimen berbaur perkauman yang dicetuskan oleh Hindraf ini membawa imej buruk kepada negara di mana dakwaan palsu ini dilihat hanya satu retorik politik bagi meraih perhatian kerajaan India.

Pergerakan Hindraf ini telah mewujudkan momentum ketegangan diantara Malaysia dan India. Ia bermula apabila ahli parlimen Tamil Nadu, Karunanidhi telah menulis surat kepada Perdana Menteri India, Manmohan Singh, memohon agar kerajaan India melibatkan diri dalam isu diskriminasi kaum India di Malaysia. Berikutan daripada peristiwa ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia membala tindakan Karunanidhi dengan menyatakan, “*His place is in Tamil Nadu, not Malaysia. He should worry about his own state. His own state has got problems. This has got nothing to do with him... lay off*” (“Uproar on Malaysian Leader’s Remarks”, 2007, 30 November). Kenyataan Menteri Malaysia ini telah mengundang reaksi negatif Parlimen India di mana ahli Kongres dan parti pembangkang seperti Bharatiya Janata Party (BJP) memaksa kerajaan India membawa isu ini sebelum United Nations dan Komanwel. Oleh itu, kerajaan India telah membuat keputusan untuk membincangkan isu masyarakat Tamil ini dengan kerajaan Malaysia.

Bagi pihak kerajaan Malaysia, MIC telah dipertanggungjawabkan untuk memberi penjelasan kepada kerajaan India bagi membetulkan tuduhan yang tidak berasas daripada Hindraf (“MIC Pantau Aktiviti Hindraf di Luar Negara”, 2009, 9 Mac). Setelah itu, kerajaan India dilihat telah menyatakan ketegasan mereka untuk menjauhi isu Hindraf yang dikatakan mempunyai pertalian dengan kumpulan pengganas. Walaupun keganasan yang dicetuskan oleh pelampau kaum ini sedikit sebanyak memberi kesan negatif terhadap hubungan Malaysia-India, namun masing-masing mengamalkan diplomasi bagi mencari jalan penyelesaian. Oleh itu, isu Hindraf ini tidak membantutkan perjalanan hubungan Malaysia-India.

### *Isu Ekonomi*

Hubungan ekonomi dengan negara-negara serantau dan antarabangsa merupakan salah satu faktor penggerak dalam pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi rakyat tempatan. Justeru, kerajaan Malaysia berusaha untuk mengadakan seberapa banyak usahasama ekonomi dengan kerajaan India dalam pelbagai sektor termasuklah perindustrian, pertanian serta pelaburan. Mahathir (1980, p. 4) menyatakan bahawa “*On the part of Malaysia, we have imported from your country a wide range of manufactured goods and various machinery and on the part of India, India has imported from Malaysia certain goods, the most important of which have been our primary commodities, palm oil and rubber.*”

Pada awal hubungan perdagangan antara Malaysia dan India, wujud imbangan dagangan yang berat sebelah di mana Malaysia mengeksport lebih banyak barang dagangan ke India berbanding import. Kelapa sawit merupakan eksport utama Malaysia ke India sejak tahun 1977 lagi. Selain kelapa sawit, getah juga antara sumber yang sering dieksport ke India. Usahasama juga wujud dalam sektor perusahaan industri dan pembuatan. Oleh itu, Malaysia telah merangka prospek ekonomi yang lebih luas dengan India dan ia telah dapat direalisasikan dalam Perjanjian Ekonomi dan Kerjasama Teknikal pada tahun 1979. Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri India, Morarji Desai. Perjanjian ini memperuntukkan penubuhan sebuah suruhanjaya untuk meneliti secara mendalam bidang-bidang yang boleh diteroka secara bersama. Perjanjian ini merupakan lambang kejayaan hubungan bilateral ekonomi ini. Malahan, sejak termetrainya perjanjian ini, semakin banyak usahasama bilateral terjalin dan kadar pelaburan serta perdagangan menyaksikan peningkatan yang konsisten. Antaranya, perjanjian perdagangan (2000), perjanjian promosi dan perlindungan pelaburan (1995), perjanjian Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (CECA) serta ASEAN-FTA yang telah dilaksanakan pada tahun 2010.

Dari konteks pelaburan dan perdagangan, India merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia dalam rantau Asia Selatan manakala Malaysia adalah rakan niaga kedua terbesar bagi India dalam ASEAN. Syarikat-syarikat

Malaysia seperti AXIATA, Maxis, IJM dan Malaysia Airport Berhad adalah antara syarikat gergasi yang mencari potensi pelaburan di India khususnya dalam bidang pembinaan, telekomunikasi dan automotif. Syarikat pembinaan Malaysia merupakan antara penyumbang terbesar dalam projek pembangunan di India. Misalnya, projek pembangunan lebuhraya di Tamil Nadu, Karnataka dan Kerala. Syarikat-syarikat gergasi India seperti Indian Railway Construction Company (IRCON), Bharat Heavy Electronic ltd (BHEL) telah banyak melaksanakan projek pembinaan dan janakuasa di Malaysia (Yogendra, 2007). Dalam usaha kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pelaburan daripada pihak luar dalam pelbagai sektor, kerajaan telah memperkenalkan beberapa polisi yang telah digariskan dan perlu dipatuhi oleh pelabur-pelabur asing bagi memastikan objektif kerajaan untuk meningkatkan partisipasi rakyat Malaysia dalam aktiviti pembuatan tercapai. Antaranya, *Equity participation Policy, Exchange Control Policy* dan polisi pekerjaan mampu untuk mempertingkatkan pelaburan asing ke Malaysia sekali gus menggalakkan rakyat Malaysia melibatkan diri dalam pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, Malaysia juga turut menandatangani perjanjian berhubung dengan perkhidmatan udara pada tahun 1974 dengan India. Hasilnya, satu frekuensi perkhidmatan udara atau penerbangan-penerbangan yang dikendalikan oleh sistem penerbangan negara. Melalui perjanjian ini, sistem penerbangan kedua-dua negara semakin berkembang apabila lebih banyak destinasi penerbangan yang menghubungkan Malaysia-India serta kapasiti penumpang dalam penerbangan juga meningkat (Mahathir, 1993). Oleh itu, peranan dan galakan yang diberikan kerajaan Malaysia dan India dalam sektor ekonomi dan perdagangan, telah memperkuuhkan jalinan hubungan ekonomi secara tidak langsung mempertingkatkan percambahan ekonomi negara.

#### *Masalah Pekerja dan Buruh Warga India*

Masalah kemiskinan hidup yang dihadapi oleh rakyat negara India mendorong penduduk-penduduk Tamil ini untuk mencari peluang pekerjaan di Malaysia. Malaysia mengalu-alukan kedatangan pekerja-pekerja asing dari India khususnya golongan profesional dan teknikal dalam usaha untuk membantu penduduk negara tersebut sekaligus menjadi penyumbang kepada pembangunan negara. Namun, kerajaan Malaysia terpaksa menghadapi masalah kebanjiran pekerja asing tanpa izin yang datang ke Malaysia. Antara usaha kerajaan untuk membanteras masalah ini adalah dengan mengadakan operasi besar-besaran menghantar pulang pekerja asing tanpa izin ini.

Insiden tangkapan pekerja profesional IT warga India oleh polis Malaysia yang berlaku pada 9 Mac 2003 telah memberi tamparan hebat ke atas hubungan dua hala Malaysia-India. Kejadian ini berlaku apabila polis Malaysia telah menyerbu apartmen di Brickfields dan menahan lebih daripada 150 orang warga India yang rata-ratanya merupakan pakar dalam bidang IT dan bekerja di Multimedia Super Corridor (MSC) kerana disyaki menetap secara tidak sah di negara ini. Kemuncak isu tangkapan ini bermula apabila pekerja professional IT ini membuat dakwaan kepada kedutaan India di Malaysia bahawa mereka telah menerima layanan buruk sewaktu ditahan. Mereka mendakwa telah ditampar dan dipukul semasa dalam tahanan (“India values Malaysia's efforts to address arrest of Indian nationals”, 2003, Mac 22). Sehubungan itu, pihak polis perlu memberikan laporan mengenai dakwaan ini agar tidak timbul sebarang salah faham khususnya apabila ia melibatkan hubungan diantara dua buah negara. Kejadian ini telah mengundang kemarahan kerajaan India sehingga hubungan diplomatik Malaysia dan India bertukar menjadi dingin. Antara respon yang diambil oleh kerajaan India berhubung dengan isu ini adalah kerajaan India berhasrat mahu meminda semula perjanjian dalam hubungan bilateral dengan Malaysia. Selain itu, Foreign Regional Registration Office (FRRO) India juga telah dipertanggungjawabkan untuk memeriksa status pendaftaran warga Malaysia di India serta kedutaan India telah mengeluarkan ‘travel advisory’ kepada rakyatnya yang bercadang untuk melawat Malaysia (Kuppuswamy, 2010). Dalam menghadapi situasi ini, Malaysia telah mengambil langkah sewajarnya dengan tidak bersikap emosional. Abdullah Ahmad Badawi (2003) juga memberi reaksi positif apabila India mahu menilai semula beberapa perjanjian dalam hubungan bilateral

dengan Malaysia dengan menyatakan bahawa tangkapan ke atas pendatang asing ke negara ini adalah sesuatu yang normal dan sentiasa dilakukan dari masa ke semasa. Oleh itu, sebagai negara berdaulat, campur tangan luar dalam hal ehwal dalaman negara lain adalah sesuatu yang diluar batasan.

Walau bagaimanapun, Malaysia berjaya menangani masalah ini tanpa sebarang krisis yang berlarutan dan ia tidak menjadikan hubungan baik kedua-dua negara ini. Malaysia masih lagi menerima baik kemasukan pekerja-pekerja asing dari India kerana kedua-dua negara ini berkongsi kepakaran dan kemahiran khususnya dalam bidang teknikal. Usaha Malaysia dan India dalam menangani isu buruh asing ini melalui diplomasi adalah langkah terbaik bagi memulihkan hubungan kedua-dua belah pihak.

### *Isu Sosial*

Dalam konteks kebudayaan, Malaysia dan India menandatangani perjanjian kebudayaan sewaktu Malaysia berada di bawah pimpinan Tun Hussein Onn. Perjanjian ini adalah kerjasama kedua negara untuk berkongsi budaya dan tradisi sekali gus memelihara warisan peninggalan sejarah tamadun India. Sektor perlancongan pula adalah antara agenda utama dalam kerjasama sosial ini kerana ia merupakan antara sektor yang mampu memberikan pulangan keuntungan yang tinggi. Peningkatan jumlah pelancong India ke Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding tahun 2005, apabila seramai 230,000 pelancong India ke Malaysia pada tahun 2006 (Syed Hamid Albar, 2007). Menurut Abdullah Ahmad Badawi (2003), pertambahan pelancong dari India telah menggalakkan lagi kerjasama erat dalam industri pelancongan. Oleh itu, Jabatan Kastam telah membuka pusat operasinya di Mumbai, Bangalore dan Hyderabad bagi menguruskan pengeluaran visa.

Oleh itu, kerajaan Malaysia telah merangka pelbagai siri program dan aktiviti bagi menggalakkan lebih ramai pelancong asing khususnya dari India untuk datang ke Malaysia. Contohnya, "Tahun Melawat Malaysia" merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong asing. Bidang perfileman India juga dilihat signifikan sebagai salah satu platform yang mampu mengukuhkan kerjasama kedua-dua negara. Contohnya, *Anugerah Global Indian Film* yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2006 sedikit sebanyak telah membantu mempromosikan Malaysia ke peringkat global. Bidang pendidikan juga diberi perhatian oleh kedua-dua pihak apabila kerajaan Malaysia telah menandatangani satu *Memorandum of Understanding* (MoU) mengenai pendidikan tinggi dengan pihak India pada 20 Januari 2010 dalam siri lawatan Datuk Seri Najib Tun Razak ke India. Selain itu, program pertukaran dan penghantaran pelajar ke India semakin giat dijalankan bagi memberi peluang kepada pelajar Malaysia untuk berkongsi kemahiran dan ilmu di India.

### **Analisis Hubungan Luar Malaysia-India**

Apabila menganalisis tentang hubungan bilateral diantara Malaysia dan India, terdapat perubahan dan transformasi yang dapat dilihat dalam pendekatan yang diambil oleh kerajaan kedua-dua belah pihak bagi memperkuatkan lagi kerjasama dalam sektor politik, ekonomi dan sosial. Perubahan ini dilihat selari dengan perkembangan teknologi, pertumbuhan ekonomi, kematangan masyarakat serta peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin. Maka, bahagian ini akan merungkai aliran perubahan dalam hubungan dua-hala Malaysia dan India yang telah memberi implikasi besar terhadap pembangunan Malaysia.

Pertamanya, perubahan hubungan dan dasar luar Malaysia-India ini bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pemimpin dalam era pemerintahannya. Selepas kemerdekaan, yakni sewaktu tumpuk pemerintahan dipegang oleh Tunku Abdul Rahman, Malaysia menjalinkan persahabatan yang erat dengan India. Buktinya, Malaysia memberi sepenuh sokongan kepada India dalam peperangan Sino-India. Ini kerana pertimbangan dasar

luar Tunku pada waktu itu berpaksikan kepada jalinan hubungan dengan negara jajahan British dan sikap pro-barat yang ditonjolkan. Tunku dan Nehru mempunyai pandangan positif mengenai demokrasi dan hak asasi manusia. Era pemerintahan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, hubungan ini diperkuatkan lagi dengan siri kerjasama perdagangan dan ekonomi di mana kedua-dua negara mula memikirkan prospek kerjasama yang lebih menguntungkan kedua-kedua belah pihak. Perubahan dilihat bertitik tolak sewaktu Tun Mahathir memegang tumpukan pemerintahan di mana beliau lebih menekankan kerjasama dengan negara-negara Islam dan blok Timur sehingga mengugat sedikit hubungan Malaysia-India khususnya sewaktu pergolakan Pakistan dan India. Masalah penduduk India di Malaysia dan isu pekerja warga India yang tercetus sewaktu era Tun Abdullah Badawi memberi ketegangan dalam hubungan Malaysia dan India. Menyedari akan hal ini, Najib Tun Razak menggunakan pendekatan yang lebih rasional dengan memberi lebih perhatian kepada penduduk India di Malaysia. Contohnya, kawasan Brickfield telah dinaik taraf dan dikenali sebagai “The Little India”. Oleh itu, pendekatan yang diambil oleh setiap pemimpin mempengaruhi hala tuju hubungan Malaysia-India.

Seterusnya, pertumbuhan ekonomi dan perkembangan teknologi turut menyumbang kepada perubahan dalam hubungan Malaysia-India. Pada awal hubungan bilateral ini hanya memfokuskan kepada sektor pertanian khususnya kelapa sawit dan getah. Imbangan dagangan juga dilihat berat sebelah di mana Malaysia lebih banyak mengeksport barang ke India. Setelah itu, Malaysia dan India mula menumpukan arah ekonomi kepada sektor perindustrian terutamanya industri pengangkutan dan jalanraya. Era globalisasi telah membuka pasaran negara yang lebih luas kepada syarikat-syarikat gergasi India untuk melabur di Malaysia. Abad ini menyaksikan lebih banyak kerjasama pelaburan yang ditandatangani oleh kedua-dua negara. Ia seiring dengan hasrat kerajaan yang mahu merealisasikan matlamat hubungan ini iaitu mengukuhkan sosioekonomi rakyatnya.

Dalam konteks kematangan masyarakat, masyarakat kini lebih terbuka mindanya dan memahami hak mereka sebagai rakyat terutamanya golongan minoriti India. Sehubungan dengan itu, kepentingan masyarakat India diambil kira dalam hubungan bilateral ini. Kejadian demonstrasi Hindraf memberi titik permulaan perubahan hubungan luar Malaysia-India di mana Malaysia lebih menekankan peranan dan memelihara kepentingan masyarakat India dalam pembangunan sosioekonomi negara. Malaysia mula membuka mata terhadap permintaan-permintaan kelompok minoriti ini agar keharmonian dan kestabilan hubungan Malaysia-India dapat dikekalkan. Menyentuh mengenai sentimen keagamaan, perbezaan agama diantara kedua buah negara ini tidak menjaskan kestabilan hubungan dua hala ini apatah lagi timbul konflik Kashmir dan rusuhan agama di India.

Oleh itu, hubungan Malaysia-India ini melalui proses transformasi yang berpuncak daripada peranan pemimpin, perkembangan teknologi dan ekonomi serta kematangan masyarakat dalam negara. Hubungan bilateral ini memberi banyak implikasi positif kepada kedua-dua buah negara walaupun terdapat halangan dan masalah yang timbul sewaktu proses jalinan perhubungan ini berlangsung. Sikap kedua-dua negara yang mengambil posisi neutral dalam setiap konflik yang dihadapi mewujudkan keharmonian dalam perhubungan.

## KESIMPULAN

Konklusinya, hubungan bilateral Malaysia-India telah terjalin sejak berkurun lamanya, sebelum kesultanan Melayu Melaka lagi. Namun, tahun 1957 telah menyaksikan hubungan Malaysia-India direalisasikan dalam bentuk yang lebih formal. Malaysia dan India bukan hanya mempunyai persamaan yang sangat ketara dari segi budaya, bahasa dan tradisi masyarakatnya. Bahkan, kedua-dua negara ini juga mempunyai matlamat dasar luar yang sama iaitu

memfokuskan kepada pengukuhan sosio-ekonomi rakyat. Menyedari akan hal ini, kedua buah negara telah menandatangani banyak perjanjian-perjanjian pertahanan, keselamatan nasional dan serantau serta usahasama dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

Usahasama Malaysia dan India dalam aspek ekonomi dan politik dilihat mampu memelihara bukan hanya kepentingan nasional bahkan juga kepentingan serantau sekaligus memastikan kestabilan global dapat dikekalkan. Walaupun berlaku beberapa isu yang ada kalanya menjadi ancaman kepada keselamatan dan keharmonian masyarakat, namun, kerajaan Malaysia tetap berusaha dan mengambil langkah sewajarnya agar masalah ini tidak menjelaskan hubungan dua hala Malaysia-India. Sebagai impaknya, kajian ini mempunyai kekuatan besar dalam memberikan latar sejarah dan kupasan isu-isu yang berlaku sepanjang hubungan Malaysia-India. Namun, dari sisi lain, kajian ini hanya tertumpu kepada era Tunku Abdul Rahman sehingga era Najib Tun Razak sahaja. Diharapkan agar kajian akan datang memfokuskan kepada hubungan dua negara ini pada waktu kini.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi. (2003). *The Inauguration of Incredible India 2003*. Arkib Negara. Malaysia.
- Amit Singh (2011) India–Malaysia Strategic Relations, Maritime Affairs. *Journal of the National Maritime Foundation of India*, 7(1), 85-105.
- Arora, B. D. (1981). *Indian-Indonesia relations (1961-1980)*. Asian Educational Services.
- “Hapuskan Ekstremis Kaum”. (2009, 24 Mei). *Utusan Malaysia*, 3.
- Hussein Onn. (1979). Visit to India by the Prime Minister (January 22-25). *Foreign Affairs Malaysia*, 12 (1-4).
- “India values Malaysia's efforts to address arrest of Indian nationals”. (2003, 22 Mac). *Utusan Malaysia*, 5.
- “India-Malaysia Tandatangan Perjanjian Ekstradisi”. (2010, 21 Januari). *Bernama*, 2.
- Mahathir, M. (1980). Ucapan Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan ke India (January 18-20). *Foreign Affairs Malaysia*, 13 (1-4).
- Mahathir, M. (1993). *The dialogue session with the confederation of Indian industry*. Arkib Negara Malaysia.
- “MIC Pantau Aktiviti Hindraf di Luar Negara.” (2009, 9 Mac). Utusan Malaysia, 6.
- Moorthy, R., & Subramaniam, K. (2017). Pemikiran strategik dasar luar India: Dari Dasar Pandang Timur ke Dasar Tindak Timur. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategik Studies*, 44(2), 51-72.
- Kuppuswamy, C. S. (2010). Malaysia: The nightmare of Indian IT professionals. <http://www.southasianalysis.org>.
- Nair, S. (1997). *Islam in Malaysian foreign policy*. Routledge.
- Nanda, B. R. (1976). *Indian foreign policy: The Nehru Years*. Vikas Publishing ltd.
- Pakeer Mohamed, Ahmad Shah. (2015). How India Perceives Southeast Asia? *SUSURGALUR: Jurnal Kajian*

- Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 3(2), 169-180.
- Paul Leong. (1985). *Visit to India by Dato' Paul Leong*. Kementerian Luar Negeri.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. (1991, 16 Disember). Jilid 1, Bil.102.
- Sandhu, K. (1969). *Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement (1786-1957)*. Cambridge University Press.
- Saravanamuttu, J. (1983). *The dilemma of independence: Two decades of Malaysia's foreign policy 1957-1977*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- “Uproar on Malaysian Leader’s Remarks”. (2007, 30 November). *The Economics Times*, 2.
- Syed Hamid Albar. (2007). *Dialog strategi India-Malaysia: Issues in Malaysian foreign policy and diplomacy*. Institute of Diplomacy and Foreign Relations Malaysia.
- Yogendra, S. (2007). *India Malaysia relations: It is time to get going*. Institute of Peace and Conflict Studies.